

Nota Ketua Editor

Keluaran Disember 2023 menumpukan kepada isu berkaitan perkembangan semasa dan isu intelektual yang dibincangkan di dalam persidangan kebangsaan Sejarah dan budaya masyarakat Madani yang dianjurkan oleh Jabatan Sejarah pada November 2023. Secara umumnya, kerangka Malaysia Madani diketengahkan sebagai usaha bagi memastikan kewujudan masyarakat maju dan bertamadun di negara ini. Sehubungan itu, makalah pertama di dalam keluaran ini membincangkan perkara berkaitan di bawah tajuk Pemerkasaan Islam Sosial dalam Konteks Peradaban Semasa. Perbincangan di dalam makalah ini menekankan bagaimana Islam memberikan tumpuan besar terhadap masalah umum. Justeru Islam mempunyai potensi besar sebagai pembugar peradaban dalam konteks kemasyarakatan semasa.

Makalah kedua bertajuk Sejarah Tingkatan Empat dengan Pendekatan *Lesson Study* Reflektif. Pendekatan yang diketengahkan di dalam makalah ini diinspirasikan daripada pengalaman penulis sewaktu mengajar di negara Jepun. Sekilas pandang, perbincangan berhubung kaedah pengajaran sejarah yang diketengahkan dalam makalah ini tidak mempunyai kaitan dengan pemerkasaan Islam yang disentuh dalam makalah pertama. Namun, perbincangan dalam makalah kedua ini mempromosikan ciri-ciri kerjasama dan gotong royong yang ditekankan dalam pembinaan peradaban di dalam makalah pertama. *Lesson Study* Reflektif membantu meringankan beban guru kerana ia dijalankan secara berkumpulan dan kerbersamaan guru yang terlibat bermula sejak dari peringkat perancangan sehinggalah kepada refleksi. Kesan yang diperolehi daripada pelaksanaan *Lesson Study* Reflektif adalah memberangsangkan kerana para guru dapat menjalankan aktiviti pengajaran yang berbeza dan seterusnya membantu meningkatkan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran bagi subjek sejarah.

Makalah bertajuk Teknologi Kecerdasan Buatan dalam Proses Perancangan dan Pengajaran Guru Sejarah menyentuh penggunaan Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence* (AI)) dalam pengajaran sejarah. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam tajuk berkenaan ia menumpukan kepada penggunaan AI dalam aplikasi *ChatGPT* (*Chat Generative Pre-Trained Transformer*) dalam kalangan guru. Kajian ini memberikan respon yang realistik kepada keterujaan masyarakat masa kini menggunakan AI. Perbincangan di dalam makalah ini memperlihatkan bahawa penggunaan AI dalam pendidikan memberikan kemudahan kepada para guru untuk merancang dan melaksanakan pengajaran dengan kreatif dan bervariasi. Namun begitu kajian juga menunjukkan terdapat kesilapan fakta sejarah jika seseorang guru bergantung sepenuhnya kepada AI. Sehubungan itu, kebergantungan kepada AI perlu diseimbangkan dengan pengetahuan sejarah yang kuat demi untuk memastikan pemahaman sejarah yang tepat dibekalkan kepada generasi muda di sekolah.

Seterusnya, makalah bertajuk Kedudukan Bahasa Melayu dalam Tiga Kerajaan Melayu: Satu Tinjauan Awal. Ia membincangkan peranan bahasa Melayu dalam kerajaan Sriwijaya, Majapahit dan Melaka. Perbincangan yang diketengahkan di dalam kajian rintis ini diharap menonjolkan nilai bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu bukan hanya dalam bidang berkaitan bahasa dan kesusasteraan tetapi juga dalam ilmu sains dan teknologi maklumat. Jelasnya, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini mempunyai kekuatannya yang tersendiri untuk diangkat sebagai bahasa ilmu. Kecintaan kepada bahasa kebangsaan adalah

asas penting dalam memastikan proses pemupukan masyarakat madani dapat direalisasikan dengan lebih mantap.

Keluaran ini juga menyiarkan ulasan buku yang bertajuk *Diari seorang Kelana* yang diterbitkan pada 2023. Buku ini merupakan autobiografi Halimi Ibrahim, seorang pemuda berasal dari negeri Perak yang hidup pada 1920-1950. Maklumat di dalam buku ini merangumi sejarah sosial masyarakat Melayu yang hidup dalam kemiskinan di Negeri Melayu Bersekutu yang terkaya ketika itu. Ulasan buku ini menangkis fahaman sejarah palsu (*pseudo-history*) yang menular di laman sosial ketika ini. Keupayaan menapis maklumat dan menganalisisnya untuk mendapat kebenaran adalah asas penting dalam membina masyarakat yang maju.

Kesimpulannya, semua makalah yang diterbitkan di dalam keluaran ini adalah berkisar tentang usaha untuk memajukan masyarakat maju dari berbagai konteks. Ia menyediakan saranan berhubung pemeraksanaan Islam sosial dalam peradaban masa kini. Selanjutnya, pengisian bagi memantapkan identiti dan jatidiri juga dibincangkan dalam makalah yang lain. Di kesempatan ini, pihak jurnal ingin menyeru semua pembaca untuk menyumbang artikel dalam bidang sejarah atau bidang pendidikan sejarah. Selain itu, ulasan buku, nota penyelidikan atau ulasan ilmiah berhubung isu yang berkaitan dengan sejarah atau pendidikan sejarah adalah dialukan.

Nazirah Lee
Chief Editor
Munsiy Jurnal Pengajian Sejarah